



NEWSLETTER



DOSM/BPPD/5.2021/Siri 57

Dikemaskini pada 29 Disember 2021

BENCANA BANJIR TEMERLOH : FAKTA DAN ANGKA

01


LATAR BELAKANG

- Negeri Pahang Darul Makmur merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia bersempadan dengan negeri Kelantan di sebelah utara, negeri Perak, Selangor serta Negeri Sembilan di barat, negeri Johor di selatan dan negeri Terengganu serta Laut China selatan di bahagian timur.
- Negeri Pahang merangkumi kawasan seluas 35,965 kilometer persegi (km²)
- Terbahagi kepada 11 buah daerah pentadbiran iaitu Pekan, Kuantan, Rompin, Maran, Bera, Jerantut, Temerloh, Raub, Bentong, Lipis dan Cameron Highlands.



02

DEMOGRAFI PENDUDUK





BANJIR BESAR 1923-1924

- Memusnahkan hampir seluruh daerah di Pahang kecuali daerah Raub dan Bentong.
- Sistem perhubungan jalanraya dan keretapi terganggu.
- Perkhidmatan telegraf dan telefon juga terputus dan kebanyakan stesen tidak berfungsi sepenuhnya. Begitu juga kerosakan harta benda awam dan persendirian.

BANJIR BESAR 1926-1927

- Diklasifikasikan sepenuhnya sebagai bencana alam yang berlaku disebabkan fenomena semulajadi.
- Tanah Melayu terpaksa mengharungi hujan lebat selama 50 jam tanpa henti di beberapa kawasan.
- Dikhabarkan beberapa buah kampung orang melayu seperti di Raub lenyap.
- Bekalan makan terpaksa dicatu dengan bekalan beras sangat terhad diedar.

BANJIR BESAR 1971

- Sejarah banjir paling besar pernah melanda Malaysia berlaku pada bulan Januari 1971, disifatkan sebagai 'ibu' kepada segala banjir di Pahang.
- Kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat setelah hampir seluruh negara ditenggelami oleh air, akibat hujan lebat yang turun tidak henti-henti selama hampir 1 minggu.
- Banjir yang melanda ini surut dalam masa seminggu.





BANJIR 2013-2014

- Banjir bermula 1 Disember 2013.
- Mangsa banjir adalah seramai 38,210 orang.
- Sebanyak 579 buah pusat petempatan telah dibuka.
- Tiada korban jiwa dilaporkan dan daerah yang teruk terjejas adalah Kuantan, Pekan, Temerloh, Jerantut, Maran, Bera dan Kuala Lipis

BANJIR 2020

- Banjir bermula pada 4 Disember 2020.
- Mangsa banjir adalah seramai 22,897 orang dan sebanyak 284 Pusat Petempatan Sementara (PPS) telah dibuka di 9 Daerah.



04

BANJIR PAHANG 2021

- Menurut laporan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang, banjir bermula pada 17 Disember 2021.
- Mangsa banjir adalah seramai 63,394 orang merangkumi 17,581 keluarga terjejas.
- Sebanyak 137 Pusat Petempatan Sementara (PPS) telah dibuka di 9 Daerah iaitu Temerloh, Bentong, Kuantan, Jerantut, Lipis, Raub, Bera, Maran dan Pekan.




05

KAWASAN TERJEJAS BANJIR

- Antara kawasan yang terjejas teruk adalah Lanchang, Mentakab dan Kuala Semantan.
- Lebih 3500 buah rumah di Temerloh bergenang banjir yang merupakan antara terburuk di Pahang ketika ini.
- Banjir juga mengakibatkan laluan di dua lebuh raya utama Pahang dinaiki air dan tidak boleh dilalui kenderaan di kedua-dua hala iaitu di Bentong ke Karak bagi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lanchang ke Temerloh di Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1). Laluan ini dibuka sepenuhnya pada 24 Disember 2021.
- Setakat ini, seramai 18 korban jiwa dilaporkan dari bencana ini di Pahang





Jumlah Penduduk:
170,298

Jumlah Lelaki:
87,751

Jumlah Perempuan: 82,547

KAWASAN	PENDUDUK	L	P
BANDAR MENTAKAB*	14,322	7,237	7,085
BANDAR TEMERLOH*	6,355	3,268	3,087
MUKIM BANGAU	10,977	5,560	5,417
MUKIM JENDERAK*1	18,547	9,474	9,073
MUKIM KERDAU*2	5,099	2,762	2,337
MUKIM LEBAK	2,329	1,182	1,147
MUKIM LIPAT KAJANG	1,646	862	784
MUKIM MENTAKAB*	40,856	21,517	19,339

KAWASAN	PENDUDUK	L	P
MUKIM PERAK*	46,013	23,196	22,817
MUKIM SANGGANG	5,310	2,713	2,597
MUKIM SEMANTAN*	14,054	7,527	6,527
MUKIM SONGSANG	3,319	1,685	1,634
PEKAN LANCHANG*	1,471	768	703

*1 Pekan Kuala Kerau termasuk dalam Mukim Jenderak

*2 Pekan Kerbau termasuk dalam Mukim Kerbau

* Angka merujuk kepada jumlah Penduduk Kawasan yang mengalami banjir dan tidak menggambarkan bilangan mangsa banjir

Nota :
Data Banci 2020 yang dilaporkan adalah penemuan awalan di peringkat operasi dan akan dimuktamadkan setelah melalui proses verifikasi dan validasi data.

TABURAN PENDUDUK MENGIKUT ETNIK NEGERI PAHANG

DAERAH PAHANG	BUMIPUTERA	CINA	INDIA	LAIN-LAIN* ²
BENTONG	72,694	35,109	9,500	1,285
CAMERON HIGHLANDS	16,962	11,783	4,539	345
JERANTUT	77,311	11,228	2,483	581
KUANTAN	420,972	69,365	12,786	2,742
LIPIS	81,063	7,402	2,595	287
PEKAN	107,063	1,628	933	1,836
RAUB	56,148	29,175	5,268	464
TEMERLOH	130,202	24,318	9,683	1,134
ROMPIN	91,901	1,744	678	795
MARAN	105,121	2,784	1,110	353
BERA	63,010	23,979	3,620	537

TABURAN PENDUDUK MENGIKUT ETNIK DAERAH TEMERLOH

MUKIM	ETNIK			
	BUMIPUTERA	CINA	INDIA	LAIN-LAIN* ²
BANDAR MENTAKAB	4,877	7,145	1,927	90
BANDAR TEMERLOH	3,769	1,982	197	146
MUKIM BANGAU	10,643	11	27	99
MUKIM JENDERAK ³	17,068	609	407	92
MUKIM KERDAU ⁴	4,296	285	153	23
MUKIM LEBAK	2,321	-	-	4
MUKIM LIPAT KAJANG	1,611	-	-	4
MUKIM MENTAKAB	22,991	10,642	5,103	250
MUKIM PERAK	40,520	3,308	1,269	183
MUKIM SANGGANG	5,161	-	-	17
MUKIM SEMANTAN	12,754	124	317	197
MUKIM SONGSANG	3,193	14	12	27
PEKAN LANCHANG	998	198	271	2

Nota :

1. Data Banci 2020 yang dilaporkan adalah penemuan awalan di peringkat operasi dan akan dimuktamadkan setelah melalui proses verifikasi dan validasi data.
2. *Lain-Lain tidak termasuk Bukan Warganegara
3. Pekan Kuala Kerau termasuk dalam Mukim Jenderak
4. Pekan Kerdu termasuk dalam Mukim Kerdu



	PURATA	PENENGAH
T20	RM11,598	RM10,024
M40	RM5,257	RM5,103
B40	RM2,800	RM2,833
JUMLAH	RM5,205	RM4,173

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2019 (TEMERLOH)

RUMAH IBADAT



BIL. MASJID 90
BIL. SURAU 216



BIL. TOKONG 25



BIL. GEREJA 3



BIL. KUIL 15



BIL. KLINIK KERAJAAN 35
BIL. KLINIK SWASTA 26

KESIHATAN



BIL. HOSPITAL KERAJAAN 1
BIL. HOSPITAL SWASTA 0

KESELAMATAN



BIL. IPD 1 & BALAI POLIS 5



BIL. BALAI BOMBA 3

PENDIDIKAN



BIL. SEKOLAH MENENGAH 21



BIL. SEKOLAH RENDAH 66

Warga DOSM turut bersama-sama menjayakan program Corporate Social Responsibility (CSR) di sekitar Pahang bagi membantu anggota yang dilanda musibah banjir



TIP KESELAMATAN BANJIR

- 1 Dengar pengumuman melalui media masa atau tunggu arahan
- 2 Bersedia dengan beg kecemasan
- 3 Segera berpindah ke pusat pemindahan yang disediakan apabila diarahkan
- 4 Berpindah awal sebelum keadaan banjir lebih buruk & sebelum akses terputus oleh air yang semakin meningkat
- 5 ikut laluan yang ditunjukkan, laluan singkat mungkin terhalang
- 6 Pergi ke tempat yang tinggi & selamat
- 7 Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, langkang, lombang, tali air & sungai
- 8 Jangan berenang atau berjalan melalui air yang deras. Air banjir yang bergerak melebihi paras lutut boleh membuat anda jatuh
- 9 Sekiranya terpaksa berjalan kaki di dalam air banjir, gunakan kayu untuk pemeriksa keadaan tanah di hadapan anda
- 10 Jangan serituh peralatan elektrik, kabel atau wayar